

UCAPAN PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN
UMNO DI PEMBUKAAN RASMI SUKAN
PERGERAKAN PEMUDA UMNO SELURUH
MALAYSIA DI STADIUM BANDARAYA, PULAU
PINANG PADA 27HB JULAI, 1975

Dif-dif terhormat, saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Majlis-Sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang telah menjemput saya ke mari bagi merasmikan Sukan Pergerakan Pemuda UMNO seluruh Malaysia. Saya suka juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha dan kegiatan Pergerakan Pemuda yang menunjukkan bahawa minat ahli-ahli UMNO bukanlah hanya tertumpu kepada politik semata-mata bahkan meliputi bidang-bidang lain. Lagi pula bidang sukan adalah bidang yang dapat memainkan peranan besar dalam membentuk anggota masyarakat yang sihat dan berguna kepada negara.

Saya rasa bangga melihat bahawa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah dapat mengembangkan aktiviti-aktiviti sukannya hingga meliputi beberapa bidang yang sudah menjadi kegemaran di negara ini seperti bolasepak, hoki, sepak takraw dan lain-lainnya. Selain dari itu mana-mana sukan juga telah mendapat perhatian dari pihak Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia seperti lumba lari, lompat pagar, lompat tinggi dan juga lain-lainnya. Saya rasa dengan bertambahnya minat belia-belie kita terhadap bidang sukan ini, sudah tentu taraf serta mutu ahli-ahli sukan akan bertambah meningkat tinggi.

Saya percaya galakan bagi mencapai mutu sukan yang tinggi belum dilakukan dengan secara yang efektif. Saya suka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil inisiatif utama bagi menyelaraskan kegiatan yang bertujuan menaikkan mutu sukan kita. Kementerian Pelajaran juga haruslah bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usaha menyelaraskan program galakan oleh kerana harapan kita untuk masa hadapan adalah terletak pada jenerasi muda di bangku sekolah. Bakat-bakat yang ada haruslah dipupuk serta diberi segala perangsang dan kemudahan kalau kita hendak mencapai taraf antarabangsa.

Pada ketika ini, hanya dua permainan yang mana kita telah mencapai taraf antarabangsa iaitu Bolasepak dan Hoki. Tetapi yang lain kita masih jauh kebelakang termasuk Badminton yang kita pegang dahulu. Saya percaya ini bukan kerana kita tidak ada bakat dalam lapangan tersebut, tetapi kerana cara kita mendidik dan memupuk bakat-bakat ini belum sempurna. Kita ingin mencapai keagungan dalam semua lapangan sukan dan ingin melihat pada satu ketika ada anak-anak Malaysia yang mengambil bahagian dalam semua pertandingan peringkat antarabangsa.

Saudara-saudara sekalian,

Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah beberapa lama memelopori gerakan sukan di tanah air kita dan telah mencapai banyak kejayaan. Dahulunya aktiviti ini dikaitkan dengan bidang kebudayaan sekali dan kejayaan telah juga dicapai dengan beberapa pementasan yang telah dilakukan, terutama dalam menyambut Perayaan UMNO dua puluh tahun dahulu. Pementasan kebudayaan secara besar-besaran telah diadakan di Stadium Negara. Ini menunjukkan bahawa dalam UMNO kita berupaya memelopori hampir semua bidang kehidupan rakyat sehari-hari.

Seterusnya kita akan melangkah masuk ke bidang perniagaan dan perusahaan. Ini ialah perkembangan yang sihat dan selagi kita mengekalkannya UMNO akan terus tegak dan akan terus menjadi landasan kemajuan dan kebahagiaan orang-orang Melayu di masa akan datang.

Saya tidaklah hendak berkata panjang di upacara ini. Cuma saya suka sekali lagi menegaskan setiap ahli agar menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap sesuatu. Saya berharap para peserta sukan pada hari ini akan mengambil bahagian dengan cara demikian agar dapat kita maju ke hadapan dalam bidang sukan. Sebenarnya hadiah tidak memberi makna kalau standard yang ditunjukkan itu tidak mencapai apa yang sepatutnya-

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia ini.

Majulah sukan untuk negara!